

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: 16 Mac 2017 12:20
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PROGRAM CSR UUM CAS BERSAMA PELAJAR MAGANG UNIKOM DAN PSU



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

16 MAC 2017 /17 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PROGRAM CSR UUM CAS BERSAMA PELAJAR MAGANG UNIKOM DAN PSU





PPA UUM CAS ONLINE: Alam sekitar adalah anugerah Tuhan yang amat bernilai kepada kesejahteraan kehidupan. Persekitaran yang bersih membolehkan kita menyedut udara yang segar dan membolehkan kita menikmati keselesaan.

Selaras dengan matlamat tersebut, seramai 17 orang pelajar magang/praktikum daripada Universitas Komputer (UNIKOM), Bandung, Indonesia dan dua (2) orang daripada Prince of Songkhla University (PSU), Thailand telah menjalankan program tanggungjawab sosial dengan membersihkan kawasan sekitar pantai Pulau Sayak, Kuala Muda, Kedah.

Program anjuran Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni *College of Arts and Sciences* (PPA CAS) yang telah dijalankan pada 14 Mac 2017 yang lalu merupakan satu inisiatif untuk mengurangkan kadar sampah yang dibuang di kawasan sekitar pantai tersebut.

Dalam ucapan oleh Penolong Pendaftar Kanan PPA UUM CAS, Puan Nooraini@Noorfizani Hj Hussein menasihatkan para pelajar supaya menitikberatkan penjagaan kebersihan dan pemuliharaan alam sekitar. Setiap individu mestilah mempunyai kesedaran supaya tidak membuang sampah merata-rata.

Sepanjang program tersebut, pelajar-pelajar juga turut beramah mesra dengan penduduk setempat serta mencuba masakan mereka. Pelajar-pelajar tersebut juga dibawa melawat Tugu Peringatan Tsunami di Kota Kuala Muda dan sekitar kawasan Alor Setar.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Emel: cas-sadc@uum.edu.my
Website: <http://ppacas.uum.edu.my>



Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.